



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 31/2010 (1 hingga 7 Ogos 2010)

Bagi tempoh 1 hingga 7 Ogos 2010, sejumlah 987 kes Demam Denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan di seluruh negara, penurunan sebanyak 114 kes atau 10% berbanding kes minggu sebelumnya iaitu 1,101 kes. Terdapat 6 negeri yang menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas iaitu Melaka meningkat 55 kes, P.Pinang 11 kes, Terengganu 7 kes, N.Sembilan 4 kes, Perak 2 kes dan Labuan sebanyak 1 kes.

Sehingga 7 Ogos 2010, sebanyak 29,503 kes dengan 94 kematian telah dilaporkan, peningkatan kes sebanyak 5% berbanding 28,127 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 40% atau 27 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 94 kematian berbanding 67 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi dilaporkan dari Melaka dan berikut adalah maklumat mengenai kes kematian tersebut.

Kes pertama: Merupakan seorang kerani perempuan berumur 46 tahun yang bekerja di sebuah bank. Pesakit telah mendapatkan rawatan

pertamanya setelah mula demam dan selsema pada 29 Julai 2010 di sebuah klinik swasta di Alor Gajah. Beliau seterusnya mendapatkan rawatan kedua dan ketiganya di Klinik Kesihatan Masjid Tanah serta Hospital Alor Gajah dan didiagnosa sebagai Demam Denggi Berdarah. Pesakit telah dirujuk ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjutan tetapi memilih ke hospital swasta pada 2 Ogos 2010. Walau bagaimanapun pesakit kemudiannya telah dirujuk ke Unit Rawatan Rapi, Hospital Melaka. Pesakit meninggal dunia pada 4 Ogos 2010 dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome* (DSS). Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di hampir keseluruhan rumah di sekitar kawasan tersebut. Terdapat pembiakan dijumpai di dalam tayar terpakai yang terdapat di persekitaran kawasan kediaman pesakit. Masyarakat setempat yang prihatin dengan keadaan tersebut telah menjalankan aktiviti gotong royong pada 8 Ogos 2010. Masyarakat juga diseru untuk mengadakan aktiviti gotong-royong ini secara berkala bagi memastikan kawasan kediaman mereka terhindar daripada bekas-bekas yang boleh menjadi sarang nyamuk Aedes.

Kes kedua: Melibatkan seorang lelaki berusia 34 tahun yang bekerja sebagai pengurus di sebuah syarikat swasta. Beliau yang mula mengalami demam, selsema dan batuk pada 26 Julai 2010, telah mendapatkan rawatan sebanyak dua kali di sebuah klinik swasta, sebelum mendapat rawatan kali ke-3 di Hospital Melaka pada 2 Ogos 2010. Pesakit dimasukkan terus ke Unit Rawatan Rapi, Hospital Melaka pada hari tersebut dengan diagnosa sebagai Demam Denggi Berdarah. Pesakit meninggal dunia pada 4 Ogos 2010 dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome* (DSS). Aktiviti kawalan semburan kabus pada 4 Ogos hanya dapat dijalankan terhadap 20 dari 105 rumah atau 19% di kawasan tersebut kerana kurangnya kerjasama penduduk setempat di mana banyak rumah bertutup. Kawasan persekitaran kediaman pesakit

juga mempunyai pembiakan Aedes yang dijumpai dalam alas pasu bunga di mana tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap premis tersebut dengan mengenakan kompaun sebanyak RM200.00. Masyarakat setempat masih belum peka akan kepentingan menjaga kebersihan serta kebaikan menjalankan gotong-royong di mana tiada aktiviti gotong-royong dijalankan di kawasan tersebut walaupun telah berlaku kematian akibat denggi. Semburan kabus semata-mata tidak dapat membunuh jentik-jentik nyamuk Aedes. Oleh yang demikian, menghapuskan tempat pembiakan Aedes adalah cara yang paling berkesan untuk menghalang denggi daripada berlaku.

Sejumlah 288 lokaliti wabak denggi yang dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 30 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dan melibatkan kejadian 451 kes demam denggi (Lampiran C) di mana sehingga kini masih melaporkan 135 kes baru. Sebelas (11) atau 37% daripada lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D) dan hanya 16 daripada 30 atau 53% lokaliti *hot spots* dilaporkan menjalankan aktiviti gotong-royong. Hasil pemantauan mendapati sebanyak 78% daripada bekas yang mempunyai pembiakan dijumpai di luar premis iaitu terdiri daripada tayar, bekas plastik, tong, baldi plastik dan alas pasu bunga.

Bagi pemilik-pemilik premis yang membiarkan rumah mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes, tindakan undang-undang telah dikenakan terhadap mereka. Sehingga bulan Jun tahun 2010, sejumlah 7,119 Perintah Notis dan 12,029 kompaun telah dikeluarkan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, bernilai RM 2,367,795.00. Sejumlah 672 kes telah dibawa ke mahkamah dan 203 kes telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah, dengan nilai denda sebanyak RM 56,420.00.

Usaha pendidikan kesihatan secara berterusan dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan Demam Denggi masih diteruskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Sejumlah 1,376 aktiviti gotong-royong atau 16% daripada 8,449 aktiviti yang disasarkan telah dijalankan. Selain itu, sebanyak 2,109 aktiviti ceramah dan 2,636,144 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara sehingga kini.

Bagi tempoh 1 hingga 7 Ogos 2010, sejumlah 1 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, penurunan sebanyak 3 kes berbanding 4 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kes yang dilaporkan tersebut berlaku di WP Kuala Lumpur/Putrajaya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 729 kes, penurunan sebanyak 76% (2,317 kes) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009 (3,046 kes).

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

9 Ogos 2010

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 31/2010
(1 hingga 7 Ogos 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 31/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 31/2009
		Minggu 31 (1 – 7 Ogos 2010)	Minggu 30 (25 – 31 Julai 2010)		
1	Perlis	5	9	106	156
2	Kedah	14	21	494 (3)	567
3	P. Pinang	50	39	812 (2)	1,791
4	Perak	67	65	1,388 (5)	2,264 (1)
5	Selangor	241	323	12,205 (37)	14,022 (44)
6	WPKL & Putrajaya	73	89	3,020 (4)	2,667 (7)
7	N. Sembilan	19	15	1,300 (7)	613 (5)
8	Melaka	71 (2)	16	480 (9)	509 (2)
9	Johor	81	101	2,365 (7)	1,707 (2)
10	Pahang	39	39	915 (1)	600 (2)
11	Terengganu	26	19	561	671
12	Kelantan	146	176 (1)	1,399 (6)	807 (1)
13	Sarawak	98	127	2,986 (12)	1,096
14	Sabah	56	62	1,458 (1)	635 (3)
15	WP Labuan	1	0	14	22
	Jumlah	987 (2)	1,101 (1)	29,503 (94)	28,127 (67)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 31/2010
(1 hingga 7 Ogos 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 31/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 31/2009
		Minggu 31 (1 – 7 Ogos 2010)	Minggu 30 (25 – 31 Julai 2010)		
1	Perlis	0	0	0	30
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	3	302
4	Perak	0	0	3	400
5	Selangor	0	1	26	407
6	WPKL & Putrajaya	1	0	1	92
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	6	147
10	Pahang	0	0	1	70
11	Terengganu	0	0	1	57
12	Kelantan	0	0	2	398
13	Sarawak	0	2	525	323
14	Sabah	0	1	152	5
15	WP Labuan	0	0	8	0
	MALAYSIA	1	4	729	3,046

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 31
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	37	109
2	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	43	103
3	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	39	87
4	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA (2)	22	76
5	SELANGOR	Gombak	Kg Bendahara	22	63
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Jelok	21	61
7	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 1 Seksyen 8 BandarBaru Bangi	15	52
8	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	18	48
9	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Jaya	12	47
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Jaya (2)	18	46
11	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment D'tinggian Suasana Bandar Tun Hussein Onn 9 (3)	7	39
12	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	12	35
13	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Baru	6	35
14	SELANGOR	MPS	Taman Rawang Perdana 2 Fasa 10	6	32
15	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	5	31
16	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	7	45
17	JOHOR	MPJBT	Taman Pulai Utama Jalan Pulai 43-85	6	33
18	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Jalan Tanjung	4	32
19	JOHOR	MBJBT	Taman Johor Jaya Jalan Teratai	7	43
20	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	10	33
21	SARAWAK	Sibu	Jalan Tiong hua	32	66
22	SARAWAK	Sibu	Jalan Huo Ping	20	56
23	SARAWAK	Sibu	Jalan Laichee	8	46
24	SARAWAK	Sibu	Jalan Foochow	10	41

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
25	SARAWAK	Sibu	Jalan Hua Kiew	14	40
26	SARAWAK	Sibu	Jalan Amoy	9	31
27	SARAWAK	Bintulu	Kg Sebulan Kecil,Jepak	14	54
28	SARAWAK	Bau	Kg Stenggang	10	31
29	WPKL	Setapak	Setapak Jaya Jalan 1,3,5,6,13&14	9	46
30	KELANTAN	Pasir Mas	Kg Tereseck	8	32

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 31
BAGI TAHUN 2010
(1 hingga 7 Ogos 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SARAWAK	SIBU	Jalan Tiong Hua	21.9	22
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Jaya (2)	5.8	9
3	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	4.7	5
4	JOHOR	MPJBT	Taman Pulai Utama Jalan Pulai 43 - 85	3.8	5
5	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Jalan Tanjung	3.3	3
6	SARAWAK	Sibu	Jalan Hua Kiew	3.1	6
7	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	2.9	3
8	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA (2)	2.5	3
9	SARAWAK	Bau	Kg Stenggang	2.0	2
10	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	1.9	2
11	JOHOR	MPJB	Taman Cempaka	1.3	1